

**08/02/2013 - Sesi Perjumpaan KSN Bersama Penjawat Awam Wilayah Persekutuan  
Labuan**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

**PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T, berkat limpah kurnia dan keizinanNya, dapat saya bersama dengan penjawat awam Wilayah Persekutuan Labuan dalam program sesi town hall pada pagi ini. Saya berasa begitu gembira dan bersyukur kerana akhirnya dapat juga saya bertemu dengan penjawat awam Wilayah Persekutuan Labuan, yang bertugas di pelbagai agensi Kerajaan di Pulau Labuan ini.
2. Perjumpaan dengan penjawat awam pagi ini juga disertai Ketua-ketua Agensi Pusat daripada JPA, ICU, EPU, MAMPU dan UKAS. Di kesempatan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Dato' Adnan Md Ikhsan, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kerana atas usaha beliau dan pegawai-pegawainya, saya dapat mengadakan lawatan ke Labuan.
3. Lawatan saya ke sini juga diatur sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang telah bermula perayaannya pada 1 Februari 2013 dengan Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Pingat dan Bintang Wilayah Persekutuan dan seterusnya diikuti pelancaran Hari Wilayah Persekutuan 2013 pada 2 Februari yang lalu dan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri. Dengan itu, saya kira masih belum terlambat, sekiranya saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Wilayah Persekutuan kepada tuan-tuan dan puan-puan, warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Saya berasa amat bertuah diberi tanggungjawab memimpin perkhidmatan awam negara ini yang telah melalui banyak peringkat pembangunan dan transformasi ke arah mewujudkan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Saya bertekad untuk meneruskan transformasi tersebut melalui pelbagai pendekatan dan juga melalui konsep 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam' yang saya dukung semenjak menerajui pimpinan perkhidmatan awam ini.
5. Walaupun jauh dipisahkan laut, saya amat berbangga kerana Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai 80 agensi Kerajaan Persekutuan yang diberi tanggungjawab untuk menyampaikan perkhidmatan kepada warga Wilayah Persekutuan Labuan yang berjumlah lebih kurang 90 ribu orang. Hasil daripada taklimat yang diberikan, dapat saya rumuskan bahawa penjawat awam di Wilayah Persekutuan Labuan tidak kurang hebatnya jika dibandingkan dengan penjawat awam di Sabah, Sarawak dan juga di Semenanjung yang telah

melaksanakan tugas mereka dengan cekap dan produktif. Ini dapat dilihat dengan pembangunan fizikal yang begitu ketara berbanding 10 tahun dahulu khususnya apabila Labuan diisytiharkan sebagai Pusat Pesisiran Kewangan Antarabangsa dan Hab Industri Minyak dan Gas. Saya berharap agar pencapaian ini dapat ditingkatkan lagi bagi melangkaui harapan rakyat yang sentiasa mengharapkan perkhidmatan yang terbaik oleh Kerajaan.

6. Saya juga pasti ada di antara penjawat awam di Labuan merupakan pegawai-pegawai yang berasal dari Sabah, Sarawak mahupun Semenanjung, yang ditugaskan untuk memberi khidmat bakti kepada rakyat Labuan. Pengorbanan mereka yang terpaksa meninggalkan keluarga, amatlah saya hargai, dan sesungguhnya pengorbanan ini adalah semata-mata bertujuan atas kepentingan Perkhidmatan Awam. Kita harus ingat bahawa setiap pekerjaan yang kita lakukan merupakan satu ibadah.

## **KEPENTINGAN PENJAWAT AWAM MENDEKATI DAN MEMAHAMI RAKYAT**

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. “Pasang telinga dan buka mata” bagi merasai sendiri apa jua masalah dan keperluan rakyat. Pendekatan yang saya maksudkan ini adalah budaya turun padang. Impian saya adalah untuk membudayakan pendekatan ini kepada setiap Penjawat Awam supaya peka, dan dapat memahami perkara yang berlaku sehingga ke dasarnya. Seterusnya, tindakan segera perlu diambil bagi mengatasi masalah tersebut sebelum ia menjadi lebih serius.

8. Tidak dilupakan bahawa Penjawat Awam juga merupakan sebahagian besar daripada rakyat di dalam negara ini yang juga menerima perkhidmatan dari Kerajaan. Adalah menjadi satu perkara yang janggal sekiranya kita mengabaikan kebajikan Penjawat Awam sendiri kerana merekalah nadi yang begitu penting di dalam Perkhidmatan Awam. Oleh itu, saya menyeru kepada semua Penjawat Awam supaya sentiasa mengamalkan pendekatan turun padang tidak kira kepada Penjawat Awam di organisasi sendiri mahupun kepada rakyat di luar dari Perkhidmatan Awam. Pepatah ada menyebut, “kalau ada bukit, sama-samalah kita daki, dan kalau ada lurah, sama-samalah kita turuni”.

9. Penjawat awam juga perlu lebih sensitif kepada persekitaran, dan cabaran-cabaran baru khususnya dari kalangan pelanggan yang berpelajaran dan mempunyai harapan yang lebih tinggi terhadap kualiti, kecekapan dan keberkesanan khidmat yang diberikan. Mereka kini sedar akan hak mereka untuk mendapat layanan yang lebih adil dan munasabah daripada agensi-agensi kerajaan. Oleh itu, adalah penting setiap janji yang ditetapkan oleh agensi-agensi dan jabatan-jabatan ditunaikan untuk memberikan keyakinan dan kepercayaan kepada orang ramai dan sentiasa menuju ke arah pemberian perkhidmatan yang sentiasa melebihi jangkaan pelanggan. Malahan, rakyat mahukan perkhidmatan yang diberikan adalah cepat, lebih responsif dan berkualiti.

## **INOVASI DAN KREATIVITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

10. Abraham Maslow seorang pakar terkemuka psikologi kemanusiaan, ada menyebut, *“If the only tool you have is a hammer, you tend to see every problem as a nail.”* Perumpamaan ini jelas memberi gambaran bahawa kita tidak boleh hanya berpegang kepada satu “praktis” yang telah sekian lama kita amalkan. Ini saya akui banyak terdapat di dalam perkhidmatan awam bukan sahaja di negara ini malah berlaku di seluruh dunia.

11. Lantaran itu, YAB Perdana Menteri, Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada bulan April 2009 telah melancarkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) sebagai batu loncatan kepada usaha Kerajaan mencapai status negara maju tahun 2020. GTP Roadmap 2.0 bagi tempoh 2013-2015 telah dilancarkan selepas kejayaan memberangsangkan GTP dalam tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), dan kita perlu meneruskan momentum kejayaan ini. Selain dari itu, usaha ini diperkasakan lagi dengan penerapan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang relevan saban hari.

12. Saya begitu teruja melihat lebih banyak agensi Kerajaan yang telah mula mengorak langkah melahirkan pelbagai penambahbaikan dan merekayasa (*reengineering*) di dalam perkhidmatan masing-masing, hasil daripada usaha tersebut, daya saing negara telah mencapai kedudukan yang memberangsangkan di mata dunia. Pembaharuan dan transformasi yang dibuat di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) juga telah mula menampakkan hasil yang memberangsangkan. Tahun lepas, Malaysia berada di kedudukan ke-12 dalam Laporan Bank Dunia Mengenai ‘Ease of Doing Business’. Baru-baru ini, majalah *The Economist* juga telah memberikan pengiktirafan tertinggi kemajuan Malaysia dalam kewangan Islam dan khususnya, penguasaan Malaysia di dalam sukuk. Ini semua menjadi mungkin apabila penjawat-penjawat awam seperti tuan-tuan dan puan-puan terus berusaha dan bertekad memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan kita pada masa akan datang.

13. Oleh itu, saya dengan harapan yang tinggi menggalakkan usaha-usaha untuk melahirkan bijak pandai dari kalangan Penjawat Awam yang sentiasa menyuntik inovasi dan kreativiti sekaligus mentransformasikan Perkhidmatan Awam ke arah yang dinamik dan bertunjangkan profesionalisme. Penjawat awam mesti melaksanakan pemikiran berbentuk kreatif dan inovatif secara lebih proaktif dengan disertai dengan sikap yang positif, peribadi yang mulia dan nilai-nilai yang unggul.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

14. Sepertimana peringatan yang kerap saya sampaikan kepada penjawat awam di seluruh Negara, Perkhidmatan Awam merupakan tonggak utama dan tulang belakang kepada pentadbiran Negara dalam mentransformasikan negara bagi menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020. Sehubungan itu, penjawat awam perlu menerima cabaran bagi merealisasikan tujuh hala tuju yang digariskan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini seperti berikut:

(i) Memastikan perpaduan nasional terus diperkukuhkan berpaksikan Gagasan 1Malaysia: “Rakyat di Dahulukan, Pencapaian Diutamakan”;

(ii) Menguruskan ekonomi dengan baik untuk memastikan pertumbuhan Negara terus berkembang dan pengagihan kekayaan kepada rakyat berdasarkan prinsip keadilan sosial;

- (iii) Bajet 2013 perlu dilaksanakan dengan licin, lancar dan berkesan mengikut jadual yang telah ditetapkan;
- (iv) Melaksanakan sepenuhnya Dasar Transformasi Nasional seperti GTP, dan ETP;
- (v) Melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan;
- (vi) Indeks Prestasi Utama (KPI) setiap Menteri dan Kementerian perlu dicapai sepenuhnya; dan
- (vii) Meneruskan penambahbaikan sistem penyampaian Kerajaan berdasarkan enam prinsip baru perkhidmatan awam iaitu CTI (Cepat, Tepat dan Integriti), dan PCI (Produktif, Kreatif dan Inovatif).

## **SEMANGAT KESUKARELAWAN**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada warga Labuan yang terlibat di dalam program ‘My Beautiful Malaysia’, yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri di seluruh negara pada hari Ahad yang lalu. Saya telah dimaklumkan di Labuan sahaja, seramai 10,125 warga Labuan telah bersama-sama turun padang dalam menjayakan program ‘My Beautiful Malaysia’ tersebut.

16. YAB Perdana Menteri juga ketika pelancaran program My Beautiful Malaysia tempoh hari telah memperkenalkan ‘Program Transformasi Sosial’ (Social Transformation Programme – STP) yang melengkapkan Dasar Transformasi Nasional. Umpama sebuah meja, Dasar Transformasi Nasional kini telah lengkap mempunyai empat kaki, melalui GTP, ETP, PTP dan kini STP.

17. Program Transformasi Sosial kini sedang giat dilaksanakan Kerajaan berasaskan kepada penglibatan konstruktif golongan belia dalam proses pembinaan negara bangsa, berpandukan sistem nilai, budaya, dan sikap masyarakat yang kukuh. Marilah sama-sama kita semai amalan kesukarelawan dan semangat patriotisma di kalangan kita dan anak-anak kita demi pembangunan negara, dan bagi merealisasikan Wawasan 2020 dan status negara maju mengikut acuan kita.

18. Bertitik tolak dengan pelancaran My Beautiful Malaysia, dan juga ‘Tahun Kesukarelawan’ pada tahun ini, penjawat awam dan masyarakat di Labuan juga perlu terus membina momentum dan semangat kesukarelawan demi pembangunan negara.

## **PENJAWAT AWAM DAN INTEGRITI DALAM SIMBIOSIS**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

19. Kita tentu tidak asing lagi dengan 12 tonggak perkhidmatan awam yang menjadi dasar dan panduan Penjawat Awam. Izinkan saya memetik salah satu elemen di dalam tonggak 12 iaitu “Ketinggian Peribadi”. Saya fikir, ia merupakan satu elemen yang wajib ada di dalam diri setiap Penjawat Awam dari sejak mereka dilantik sehinggalah tamatnya perkhidmatan. Malah ia wajar diteruskan sehingga ke akhir hayat. Sekiranya kita melihat setiap daripada 12 tonggak tersebut, ia menumpukan kepada individu dan saya percaya, di dalam setiap agama menitik beratkan soal “ketinggian peribadi”.

20. Dari pembentukan peribadi inilah yang mempengaruhi kepercayaan rakyat kepada perkhidmatan awam. Sekiranya ramai penjawat awam mempunyai peribadi yang murni, pasti tanggungjawab yang diamanahkan itu akan dijalankan dengan telus serta mencapai matlamat yang ditetapkan. Sebaliknya jika tidak, berlakulah ketirisan dan penyalahgunaan kuasa. Ketinggian Peribadi juga berkait dengan integriti penjawat awam yang sering menjadi kayu ukur kepada kemantapan Perkhidmatan Awam negara. Adalah menjadi harapan saya untuk melihat Perkhidmatan Awam negara ini menjadi simbiosis bersama dengan integriti.

21. Di sini suka saya menegaskan bahawa kita selaku penjawat awam adalah pemelihara kepentingan awam atau "*Custodian of the public interest*". Undang-undang, peraturan, arahan, atau prosedur yang berkuat kuasa mestilah dipatuhi sepenuhnya, dan kegagalan dalam pematuhan undang-undang tersebut akan membolehkan tindakan tatatertib diambil mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam 1993 ataupun tindakan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.

22. Salah satu elemen penting bagi menjamin kemajuan negara adalah hubungan baik, dan saling memahami di antara pihak majikan dan pekerja yang harus terus dipupuk. "*Konsep Caring Society*" perlu wujud di kalangan ketua-ketua jabatan. Selain memastikan kakitangan bawahan melaksanakan tugas yang telah ditetapkan, perhatian juga diberi kepada masalah yang dibangkitkan oleh kakitangan bawahan khususnya soal-soal kebajikan. Sikap prihatin ketua jabatan ini, akan menimbulkan keseronokan bekerja yang akhirnya meningkatkan kecekapan dan produktiviti perkhidmatan awam.

## **KOMITMEN MELAKSANAKAN PROGRAM/PROJEK KERAJAAN**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

23. Sememangnya penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan amat bertuah kerana mendapat perhatian khusus oleh YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2013 iaitu pemakluman pemberian diskaun 50% bagi tambang penumpang dan kenderaan komersial yang menggunakan perkhidmatan feri. Selain itu YAB Timbalan Perdana Menteri dalam lawatan sebelum ini ke Pulau Labuan pada akhir tahun 2012 telah memberi komitmen untuk membantu rakyat Labuan untuk memiliki rumah melalui projek penyediaan 1,000 unit Rumah Mampu Milik. Kerajaan juga melalui keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 November 2012, telah meluluskan empat projek dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM165.65 juta untuk dilaksanakan sebagai langkah mengukuhkan kedudukan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai hab minyak dan gas di Malaysia Timur.

24. Saya bersetuju dengan saranan Ketua Setiausaha KWPKB dalam ucapan aluannya, supaya setiap agensi Kerajaan yang terlibat dapat memberi komitmen yang jitu bagi

memastikan kelancaran pelaksanaan projek-projek yang telah diputuskan. Konsep bekerja secara berpasukan serta tindakan susulan dan pemantauan berterusan perlu dititik beratkan oleh setiap penjawat awam di Wilayah Persekutuan Labuan. Sikap lepas tangan apabila terdapat sesuatu masalah di dalam projek yang dilaksanakan haruslah dihindari supaya pelaksanaan projek itu tidak terganggu. Besarlah harapan saya moga program dan projek yang telah diputuskan dapat dilaksanakan bagi merealisasikan impian warga Labuan.

## **SOKONGAN KEPADA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

25. Saya maklum bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar selain menjalankan fungsi sebagai sebuah Kementerian, turut berperanan melaksanakan fungsi sebagai pentadbir kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Tugas dan peranan negeri sedia ada seperti melaksanakan projek pembangunan, pengurusan tanah, menguruskan majlis istiadat, pengurusan bencana, pembangunan sukan, dan pengurusan lawatan kepimpinan tertinggi negara turut dilaksanakan oleh Kementerian ini. Saya dengan ini memohon agensi-agensi Kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan memberi kerjasama dan sokongan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar dalam melaksanakan program dan projek-projek yang ditetapkan.

## **PENUTUP**

26. Akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas jemputan ini dan saya berharap tuan-tuan dan puan-puan akan terus memberi komitmen untuk menjayakan dan melaksanakan agenda negara, seterusnya memacu kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan demi kepentingan rakyat, dan negara. Dan bagi tuan-tuan dan puan-puan yang menyambut Tahun Baru Cina, saya ucapkan Selamat menyambut Tahun Baru Cina pada tahun 2013 ini. Semoga segala usaha murni kita untuk memartabatkan Perkhidmatan Awam dan membangunkan Negara diberkati dan mencapai matlamatnya. InshaAllah.

Sekian

Wabillahhittaufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh